

Bil. S 42

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
2. Pindaan bab 2 dari S 39/2005
3. Pindaan bab 10
4. Pindaan bab 12
5. Pemasukan bab 12A baru
6. Pindaan bab 43
7. Pindaan bab 45
8. Penggantian Jadual
9. Perkecualian dan peruntukan peralihan

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH SIJIL HALAL DAN LABEL HALAL (PINDAAN), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Sijil Halal dan Label Halal (Pindaan), 2020 dan hendaklah mula berjalan kuat kuasanya pada suatu tarikh yang akan ditetapkan oleh Menteri, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*.

Pindaan bab 2 dari S 39/2005

2. Bab 2 dari Perintah Sijil Halal dan Label Halal, 2005, dalam Perintah ini disebut sebagai Perintah utama, adalah dipinda, dalam takrifan “kemudahan pemprosesan produk”, dengan memotong “kepada pemborong dan peruncit atau untuk dieksport” dari dua baris akhir.

Pindaan bab 10

3. Bab 10 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan ceraihan {3} dan menggantikannya dengan ceraihan baru yang berikut —

“(3) Pemohon adalah dikehendaki membuat —

(a) dalam hal suatu perniagaan dengan 4 orang pekerja atau kurang, satu permohonan bagi setiap jenis produk;

(b) dalam hal suatu perniagaan dengan 5 orang pekerja atau lebih, satu permohonan bagi setiap 20 jenis produk.”.

Pindaan bab 12

4. Bab 12 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas ceraihan {1} ceraihan baru yang berikut —

“(1A) Permit itu, melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih dahulu, adalah sah selama 3 tahun dari tarikh dikeluarkan.”.

Pemasukan bab 12A baru

5. Perintah utama adalah dipinda dengan memasukkan sejurus selepas bab 12 bab baru yang berikut —

“Pembaharuan permit

12A. (1) Pemegang permit hendaklah memohon untuk membaharui permitnya tidak kurang daripada 30 hari sebelum tamat tempohnya.

(2) Permit itu boleh diperbaharui untuk tempoh selanjutnya tidak melebihi 3 tahun bagi setiap pembaharuan.

(3) Bab-bab 10, 11 dan 12 dikenakan, dengan pengubahsuaian-pengubahsuaian yang perlu, kepada pembaharuan suatu permit.”.

Pindaan bab 43

6. Bab 43 dari Perintah utama adalah dipinda dengan memansuhkan cerai (5) dan menggantikannya dengan cerai baru yang berikut —

“(5) Jika permohonan itu berkenaan dengan perubahan bahan atau material yang digunakan dalam penyediaan produk yang berkenaan dengannya suatu permit telah dikeluarkan, selepas berpuas hati bahawa pemohon telah mematuhi apa-apa kehendak sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis, maka Majlis boleh membenarkan pemohon untuk menggunakan label pada bungkusan produk tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis.”.

Pindaan bab 45

7. Bab 45 dari Perintah utama adalah dipinda —

(a) dalam tajuk bab, dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil”;

(b) dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil” dalam baris kedua;

(c) dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil” dalam baris ketiga;

(d) dengan memotong “Keempat” dari baris keenam;

(e) dengan memasukkan “atau permit” sejurus selepas “sijil” dalam baris akhir.

Penggantian Jadual

8. Jadual kepada Perintah utama adalah dimansuhkan dan digantikan dengan Jadual baru yang berikut —

“JADUAL

(bab-bab 6(1), 12(1), 45, 46(1) dan 50)

BAYARAN**BAYARAN**

(a)	Pengeluaran atau pembaharuan Sijil Halal	\$90
(b)	Penggantian Sijil Halal atau permit	\$10
(c)	Pengeluaran atau pembaharuan permit bagi setiap cawangan perniagaan —	
(i)	dengan 4 orang pekerja atau kurang	\$5 bagi setiap jenis produk
(ii)	dengan tidak kurang daripada 5 orang pekerja dan tidak lebih daripada 19 orang pekerja	\$150 bagi setiap 20 jenis produk
(iii)	dengan tidak kurang daripada 20 orang pekerja dan tidak lebih daripada 99 orang pekerja	\$300 bagi setiap 20 jenis produk
(iv)	dengan tidak kurang daripada 99 orang pekerja	\$700 bagi setiap 20 jenis produk
(v)	syarikat multinasional	\$1,000 bagi setiap 20 jenis produk

Perkecualian dan peruntukan peralihan

9. Mana-mana permit yang dikeluarkan di bawah bab 12 dari Perintah utama dan berkuat kuasa sebelum atau pada tarikh permulaan kuat kuasa Perintah ini hendaklah terus berkuat kuasa sehingga masa sebagaimana yang mungkin difikirkan patut oleh Majlis, melainkan jika permit itu digantung atau dibatalkan lebih awal di bawah bab 12(2) dari Perintah utama.

Diperbuat pada hari ini 9 haribulan Rabiulawal, Tahun Hijrah 1442 bersamaan dengan 27 haribulan Oktober, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**